

ELAUN PERUMAHAN WILAYAH

RUJUKAN

1. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 2001

PELAKSANAAN

2. Elaun Perumahan Wilayah (EPW) dibayar kepada pegawai mulai tarikh pegawai melaporkan diri di UMP tertakluk kepada peraturan berikut:
 - a) Pegawai yang dibayar EPW tidak layak menerima Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)
 - b) Pegawai yang **tidak menduduki** rumah kerajaan boleh memilih sama ada menerima EPW atau ITP
 - c) Pegawai yang **menduduki** rumah kerajaan tidak layak EPW dan tidak layak ITP (rumah diperuntukkan kepada pegawai secara perseorangan atau secara berkongsi)
 - d) Pegawai yang **menduduki** rumah kerajaan yang diperuntukkan kepada suami atau isteri, tidak layak EPW tetapi layak ITP
 - e) Pegawai suami dan isteri yang bertukar Wilayah dan **tidak menduduki** rumah kerajaan, boleh dibayar ITP masing-masing. Walau bagaimanapun, salah seorang antara mereka boleh memilih EPW
 - f) Pegawai yang **bercuti tanpa gaji tidak layak** kedua-dua EPW dan ITP
 - g) Pegawai yang telah membeli rumah dalam stesen pegawai berkhidmat dengan pinjaman perumahan Kerajaan **tidak layak** EPW
 - h) Pegawai yang menghadiri kursus melebihi 3 bulan **tidak layak** EPW
 - i) Pegawai yang bertukar Wilayah yang dibenarkan menduduki hotel melebihi tempoh yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan semasa pertukaran, akan kehilangan secara *proportionate* EPW bagi tempoh tambahan yang beliau tinggal di hotel

PANDUAN

3. Panduan untuk menentukan kelayakan EPW atau ITP bagi pegawai bertukar wilayah adalah seperti jadual di bawah:

KEDUDUKAN PEGAWAI	LAYAK		TIDAK LAYAK		BOLEH MEMILIH EPW ATAU ITP
	EPW	ITP	EPW	ITP	
1. Pegawai yang menerima EPW				✓	
2. Pegawai tidak menduduki rumah kerajaan					✓
3. Pegawai menduduki rumah kerajaan			✓	✓	
4. Pegawai menduduki rumah kerajaan yang diperuntukkan kepada suami atau isteri		✓	✓		
5. Pegawai suami dan isteri yang bertukar Wilayah dan tidak menduduki rumah kerajaan		✓ (pasangan yang tidak memilih EPW)			✓ (salah seorang sahaja)
6. Pegawai yang bercuti tanpa gaji			✓	✓	
7. Pegawai yang telah membeli rumah dalam stesen pegawai berkhidmat dengan pinjaman perumahan Kerajaan		✓	✓		
8. Pegawai yang telah membeli rumah dalam stesen pegawai berkhidmat dengan pinjaman perumahan Kerajaan, dan disediakan Rumah Khas Jabatan atau Rumah Khas Jawatan			✓	✓	
9. Pegawai yang menghadiri kursus melebihi 3 bulan		Mengikut tawaran cuti belajar	✓		

KUMPULAN	Pengurusan Tertinggi				Pengurusan dan Profesional			Sokongan	
	Turus	A	B	C	Gred			Gred/Kategori	
					1	2	3	V-VII	VII-XI
SISTEM SARAAN BARU	Turus	A	B	C	53-54	45-52	41-44	27-40	1-26
SISTEM SARAAN MALAYSIA	Turus	A	B	C	53-54	45-52	41-44	27-40	1-26

PERMOHONAN

- Pegawai hendaklah mengisi Borang EPW dan dikemukakan kepada Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Pendaftar untuk pertimbangan kelulusan.